

| | | | |
|------------|---------------|---------|----------|
| TARIKH | 26 / 9 / 2013 | SEKSYEN | Nasional |
| MUKA SURAT | 22 | RUANGAN | Setempat |

Bersyukur jadi insan terpilih



CATATAN
DARI MAKKAH

Badrila Jamlus

Assalamualaikum dan salam sejahtera. "Pakcik berdoa di Malaysia lagi agar perjalanan menunaikan ibadat di sini mudah dan ada hamba Allah sudi membantu apabila diperlukan," kata seorang jemaah haji yang saya temui dan memperkenalkan dirinya sebagai Haji Mat atau nama sebenarnya Mohamad Jusoh.

Pertemuan secara kebetulan itu berlaku di lobi hotel ketika saya mahu menuju ke masjid dan disapa olehnya yang tiba-tiba bercerita mengenai kenalannya yang turut bekerja di industri media.

Sebaik melangkah keluar dari pintu hotel, perbualan kami semakin rancak, malah dia kelihatan seronok dapat menjejakan kaki di Tanah Suci.

Beliau yang berusia lewat 60-an tiba di Makkah, kelmarin selepas lapan hari di Madinah juga menceritakan

pengalaman pertamanya mengusung jenazah seperti yang saya lakukan ketika baru-baru tiba di sini.

Meskipun hanya dapat mengusung sekejap, dia puas dan bersyukur kerana menjadi insan terpilih melakukannya.

Apabila ditanya bagaimana dia mengetahui perkara itu, beliau diberitahu seorang rakannya dan saat itu memang ditunggu jemaah bersolat di tingkat bawah khususnya di ruang solat menempatkan jenazah setiap kali waktu solat fardu.

Perjalanan saya ke masjid terasa singkat dengan sikap peramahannya dan saya turut menunjukkan ruang bersolat yang lebih selesa dan berhawa dingin di tingkat dua masjid ini.

Jelas terpancar kegembiraan di raut wajahnya kerana tidak menyangka selama ini ada ruang bersolat selesa dan turut dipenuhi jemaah haji Malaysia.

Saya juga berpesan kepada Haji Mat supaya mengecam pintu masuk dan keluar bagi memudahkan pergerakan dalam masjid.